


Gambar 1 : Kondaan Tempai Kedai Pelajar Sarawati



Pilang Pembuatan Plastik (Fujisaki Plastic Kabushiki Kaisha Nerimaku)




Kedai Pasar Borong (Seikagyo Yanaigawa Kabushiki Kaisha Nerimaku)



8. Kedai_Makanan_(Shokudo-Ikebukuroku)



9. Kilang_Pembuatan_Makanan



Gambar 3 : Bilik Mandi Awam --- bilik mandi ini menyediakan
tab mandi, air paip (air panas dan sejuk) dan
besen. Alat-alat mandi lain seperti sabun, tuala,
dibawa sendiri.



Gambar 3(a) : Bilik tidur di Asrama Itabashi (Meroso
Language School) --- bilik ini berbentuk
corak Jepun yang pintunya tidak dapat
dikunci. Tikar jerami terletak di lantai
bilik. Sewa bilik ini ialah Y30,000 sebulan.



gambar 3(b) : Bilik tidur di Asrama Rikko Kaikan --- bilik ini berbentuk corak barat dan pintunya dapat dikunci. Alat-alat seperti televisyen, peti sejuk dan radio adalah milik pelajar sendiri. Sewa bilik ini ialah Y46,000 sebulan.




gambar 4 : Rumah Kelab PKPMJ (3-21-30 Kamimeguro, Meguroku
Tokyo 153)




gambar 5 : Majlis Hari Raya & 'welcoming Party' pada 27hb
April 1991.

Lampiran 2 : Lokasi Tokyo, Japan.

Sarisan latitud bagi bandar utama




Nama-nama biasa panggilan dalam Bahasa Jepun bagi bandar utama di Jepun




Lampiran 2 : Lokasi Tokyo, Japan.


Garisan latitud bagi bandar utama



Nama-nama biasa panggilan dalam Bahasa Jepun bagi bandar utama di Jepun




Malaysia Education System



* One year older if via Remove Class

Sumber : Editori J. Cameron, R. Cowen, B. Holmes, P. Hurst, M. Melean. International Handbook of Educational System Vol. III 1984

Japanese Education System




Source : Life and Study in Japan, 1964

Jadual 5 : Pelajar Asing di Jepun Mengikut Negara-negara asal

No.	Negara	1hb Mei 1989		1hb Mei 1990		Pertambahan dalam dua tahun ini (%)
		Bil. Pelajar	%	Bil. Pelajar	%	
1.	China	10,850 (1,028)	34.7%	18,063 (1,140)	43.7%	7,213 (66.7%)
2.	Korea Selatan	6,575 (637)	21.0%	8,050 (641)	19.5%	1,475 (22.4%)
3.	Taiwan	6,063 (-)	19.4%	6,484 (-)	15.7%	421 (6.9%)
4.	Malaysia	1,310 (232)	4.2%	1,544 (254)	3.7%	234 (17.9%)
5.	Amerika Sya.	961 (133)	3.1%	1,180 (153)	2.9%	219 (22.8%)
6.	Thailand	831 (418)	2.7%	856 (454)	2.1%	25 (3.3%)
7.	Indonesia	824 (282)	2.6%	948 (313)	2.3%	124 (15.3%)
8.	Hongkong	618 (48)	2.0%	482 (59)	1.0%	-196 (-46.4%)
9.	Filipina	413 (243)	1.3%	479 (262)	1.1%	66 (16.3%)
10.	Brazil	293 (143)	0.9%	394 (159)	0.9%	101 (34.5%)
11.	Lain-lain	2,513 (1,310)	8.1%	2,927 (1,526)	7.1%	414 (16.5%)
	Jumlah	31,251 (4,465)	100.0%	41,347 (4,961)	100.0%	10,096 (32.3%)

Nota : Angka dalam () menunjukkan bilangan pelajar yang menerima biasiswa kerajaan Jepun.


Sumber : Monbusho (Kementerian Pendidikan, Sains dan Kebudayaan)



Kota : 'Pelajar Biasiswa Kerajaan Asing' adalah dirujuk kepada pelajar yang dihantar oleh kerajaan China, Indonesia dan Malaysia.


Rajah : Pelajar Asing di Jepun (pada 1hb. Mei 1990)

(a) Pelajar Asing di Jepun mengikut Rantau




- 1. Afrika 200 (0.5%)
- 2. Amerika Utara 193 (0.5%)
- 3. Oceania 187 (0.4%)
- 4. Timur Tengah 99 (0.2%)

(b). Bilangan Pelajar Asing di Jepun Mengikut Institusi Pendidikan



(c). Pelajar Asing di Jepun Mengikut Pengkhususan



Information regarding Malaysian Student (as Ryugakusai) in Japan

1) Number of Malaysian Students in Japan (as of 1st May)

	1980	85	86	87	88	88	90
Japanese Government Scholarship	61	109	135	165	197	232	254
Malaysian Government Scholarship (Look East Policy)	0	116	227	315	355	395	446
Private Students	83	410	532	640	649	683	844
Total	144	635	896	1120	1201	1310	1544

2) Number of Malaysian Students in Japan (as of 1st May)

	1986	87	88	89	90
Undergraduate	595	796	852	890	994
Postgraduate	93	93	121	143	165
Technical College	93	100	100	102	103
Junior College	15	15	16	18	15
Professional School	120	116	112	157	267
Total	896	1120	1201	1310	1544

3) Number of Foreign Students in Japan (as of 1st May 1990)

1	2	3	4	Total
China	Korea	Taiwan	Malaysian	
18,063	8,050	6,484	1,544	41,347

4) Number of Malaysian Students passed in Japanese Government Scholarship (arrival basis)

	1970	75	80	85	88	89	90	Total
Undergraduate	2	6	8	5	4	5	7	161
Look East Student				10	10	10	10	70
Postgraduate	2	5	7	15	20	25	27	224
In Service Training for Teacher			5	8	11	11	10	87
College of Technology				3	5	5	5	35
Professional Training School					7	8	7	28
Total	4	11	20	41	57	64	66	605

5) Number of Malaysian Students sent by Malaysian Government Scholarship (arrival basis)

	1983	84	85	86	87	88	89	90	91	Total
Undergraduate		(10) 39	(10) 45	(10) 64	(10) 79	(10) 81	(10) 84	(10) 81	(10) 88	(80) 561
Medicine								2	2	4
Japanese Language								10	10	20
College of Technology	24	28	30	29	30	30	29	50	65	315
Total	24	67	75	93	109	111	113	143	165	900

Jadual : Bilangan Ahli Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia Di Jepun (PKPMJ)

Tahun :	Pelajar Malaysia			Pelajar Cina			Pelajar Melayu			Pelajar Malaysia lain		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	J
1985	15	10	25	14	10	24	1	0	1	0	0	0
1986	33	16	49	29	13	42	4	2	6	0	1	1
1987	52	22	74	23	13	36	28	8	36	1	1	2
1988	88	26	114	47	23	70	38	3	41	3	0	3
1989	115	56	171	70	38	108	44	15	59	1	3	4
1990	315	111	426	201	83	284	106	26	132	8	2	10
1991 #	128	59	187	59	45	104	68	14	82	1	0	1

Sumber : Jawatan Bahagian Perhubungan PKPMJ, 1991.

Nota :

- I. (#) menunjukkan bilangan yang dicatat hanya sampai 16hb. Jun 1991.
2. Menurut Perlembangan Perkara III.1, keanggotaan seseorang ahli itu akan tamat sekiranya dia telah menamat pelajaran atau kursus di Jepun. Oleh itu, bilangan ahli pada tahun 1985, 1986 dan 1987 hanya melibatkan mereka yang masih belajar di Jepun.
3. L = Lelaki ; P = Perempuan ; J = Jumlah .

Pengalaman Pelajar Saradiri

Di sini, pengkaji memetik beberapa pandangan atau pengalaman beberapa orang pelajar saradiri dalam kajian ini. Ia dapat mencerminkan kesusahan keadaan belajar sambil bekerja serta perasaan yang jarang diketahui orang luar . Ini adalah seperti berikut :-

Pelajar A (Ib.Kod 1) adalah pelajar Hitotsubashi University (tahun 3) yang belajar Kewangan Antarabangsa. Beliau cuba membandingkan keadaan Pelajar saradiri dengan pelajar Biasiswa, Beliau berkata:

" Pelajar yang belajar secara saradiri biasanya mereka dapat berkomunikasi dengan orang Jepun melalui 'part-time job'. Oleh itu, penguasaan bahasa Jepun mereka adalah lebih baik daripada pelajar biasiswa. Tetapi sebahagian besar pelajar yang belajar secara saradiri adalah dari keluarga miskin dan terpaksa bekerja kuat pada tiap-tiap hari. Ini mungkin menjejaskan pelajaran mereka. Bagi mereka yang menghadapi masalah atau tekanan itu biasanya tidak dapat bantuan dari kerajaan sendiri tetapi orang Jepun atau orang lain yang menolong mereka menyelesaikan masalah. Bila mereka bandingkan keadaan mereka dengan 'JPA students' yang selalu dijaga baik oleh kerajaan, timbullah masalah selisih faham atau sifat anti-kerajaan

atau perasaan diskriminasi diantara mereka. Memang tidak boleh dinafikan bahawa dibanding dengan 'JPA Students' pelajar belajar secara saradiri dapat mencapai sifat berdikari yang kuat. "

Pelajar B (Ib. kod 6) dari East-west Japanese Language School memberitahu tentang kesulitan pengagihan masa seimbang dalam pelajaran dan kerja sampingannya. Beliau berkata :

" Ramai orang menganggap belajar di luar negeri adalah sesuatu yang disanjung, tetapi kehidupan yang penuh dengan kesengsaran hanya dapat dirasakan bagi mereka yang melaluinya sendiri. Tidak dapat dinafikan kehidupan sebagai pelajar saradiri adalah lebih susah jika dibandingkan dengan pelajar bukan saradiri. Belajar sambil bekerja adalah sangat menghauskan tenaga. Saya terpaksa menghadiri kelas dan sibuk melakukan arubaito untuk mendapat wang menyara diri. Kadang-kala keletihan badan fizikal menyebabkan saya tidak dapat membuat ulangkaji dan hanya ingin berehat. Walaupun tenaga fizikal dapat kembali selepas itu, tetapi terpaksa pula mengkorbankan masa ulangkaji. Lama-kelamaannya, terdapat banyak sukatan pelajar yang tidak dapat dikuasai dan ia menambahkan lagi tekanan dalam menghadapi peperiksaan. Adalah sukar bagi saya mengimbangi kedua-dua perkara penting ini. Selalu berangan-angan suatu hari nanti bila saya tidak perlu melakukan kerja lagi, saya akan belajar bersungguh-sungguh. Walau bagaimananya, belajar secara saradiri tetap

ada kebajikannya. Situasi sedemikian telah melatih saya lebih berdikari dan tegah kuat. Berusaha sekarang untuk kebahagian masa depan. Saya turut belajar bagaimana menghadapi dan menyelesaikan masalah dari semasa ke semasa."

Pelajar C (Ib. kod 5) dari The Internasional Students Institute (ISI) berpendapat bahawa,

" bagi mereka yang memilih cara ini untuk belajar ke negeri asing adalah digalakkan kerana ia bukan sahaja dapat mempelajari pengetahuan dari buku, tetapi juga secara praktikal dengan sosial sekeliling yang dia kerja itu. Dengan ini, mereka yang belajar secara saradiri ini, akan lebih berdikari.

Pelajar D (Ib. kod 21) adalah pelajar Meros Language School telah memberi komen tentang pengaruh kebudayaan kuning terhadap pelajar Malaysia. Beliau berkata :-

" didapati negara Jepun merupakan sebuah negara yang asyik mengejar kehidupan yang materialistik. Ramai pelajar Malaysia yang pendiriannya tidak kukuh dan mudah dipengaruhi oleh cara hidup ini. Akibatnya, pelajaran mereka terbengkalai . Di samping itu, Jepun juga merupakan sebuah masyarakat yang penuh dengan unsur-unsur `kuning'. Ini menyebabkan ramai pelajar lelaki terpengaruhi dari segi mental dan fizikal dan menjadi mangsa dalam budaya kuning ini. Bagi pelajar perempuan yang pendirian tidak kukuh pula mudah melibatkan diri dalam kegiatan yang membahayakan akhlak dan moral. "

Pandangan ini disokong kuat oleh pelajar E (Ib.kod 15) juga dari Meros Language School. Beliau berkata :

" Pada awalnya, ramai pelajar saradiri datang ke Jepun dengan hasrat mengejar ilmu pengetahuan, tetapi malangnya, mereka tidak dapat bertahan diri dari mengejar kehidupan materialistik. Akhirnya mengabaikan pelajaran dan memberi keutamaannya kepada kerja untuk mendapat wang sebanyak mungkin. Walau bagaimanapun, jika dapat mengagihkan masa dengan baik, arubaito tidak menjejaskan pelajaran tetapi sebaliknya melalui tempat kerja, kami dapat mempelajari bahasa Jepun dan memahami kebudayaan orang Jepun. "

Pelajar F (Ib.kod 16) pula menyebut masalah 11 tahun pendidikan dan masa depan selepas tamat pengajiannya di Jepun. Beliau berkata :

" kos kehidupan di Tokyo sangat tinggi. Tetapi selepas saya mula bekerja, gaji bukan sahaja dapat menanggung kos hidup tetapi juga dapat simpan dalam Bank untuk masa depan. Sekarang, satu masalah yang sedang saya hadapi ialah hanya mempunyai 11 tahun pendidikan (SPM) yang tidak dapat memenuhi syarat kelayakan kemasukan universiti Jepun. Saya sangat risau tentang ini.

Selain daripada itu, saya berasa gembira tinggal di Jepun. Kadang-kala, bila dibandingkan Jepun dengan Malaysia,

reaksi awal tentulah saya akan balik ke Malaysia kerana Malaysia tanam air saya. Tetapi bila berfikir panjang lebar, teringatlah cuaca panas di Malaysia, masalah polarisasi, layanan yang tidak adil dari kerajaan dan lain-lain. Saya berkeberatan untuk balik ke Malaysia. Oleh itu, jika ada peluang, saya ingin menetap di Jepun untuk selama-lamanya."

Pelajar G (Ia, kod u.2) dari Keio University (Ekonomi tahun pertama) telah mengatakan harapan terhadap kerajaan Malaysia dari segi bantuan kewangan kepada pelajar saradiri. Beliau mengatakan :

" harapan saya terhadap kerajaan Malaysia ialah supaya boleh menyediakan biasiswa kepada Pelajar Malaysia yang datang secara saradiri, ialah memberi bantuan kewangan kepada mereka yang telah berjaya memasuki pusat pengajian tinggi dan telah menunjukkan pencapaian yang cermelang dalam pelajarannya. selama ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hanya menyediakan biasiswa kepada pelajar yang mempunyai keputusan peperiksaan baik, tetapi ia tidak bermakna mereka juga akan berjaya di Jepun. Adakala, pelajar saradiri turut menunjukkan pencapaian yang lebih memuaskan daripada pelajar tersebut. Berilah juga peluang kepada pelajar saradiri."

Akhirnya, Pelajar H (Ib. kod 11) dari Waseda University (tahun 5, undang-undang) telah memberi nasihat kepada pelajar Malaysia yang bersaradiri. Beliau berkata:

" Jangan sekali-kali berniat untuk belajar secara saradiri di Jepun kerana masa dan kesihatan anda akan menjadi korban. Akhirnya apa yang dikejar tidak dapat dipenuhi. Sebab tujuan ke Jepun adalah untuk belajar bukannya untuk bekerja di rantau orang. "